

17/08/1997

LTAB Bayan Lepas masih perlu

SUNGAI SIPUT: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata soal Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di Pulau Pinang akan ditutup buat masa ini tidak terbangkit.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hanya menyebut lapangan terbang itu mungkin ditutup apabila ia tidak diperlukan lagi.

"Sekarang ini masih ada keperluan, maka industri menggunakan kemudahan lapangan terbang di Bayan Lepas dan sementara ini tidak terbangkit soal tutup (lapangan terbang itu).

"Tetapi lambat laun, kita harus teliti semula kaedah mengekalkan lapangan terbang itu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan projek Kampung Berkembar di antara masyarakat Melayu dan Orang Asli di Kampung Bawung, Lasah, dekat sini, hari ini.

Malah, katanya, kerajaan tidak bercadang menutup lapangan terbang itu dalam tempoh terdekat ini kerana Kementerian Pengangkutan, kerajaan Pulau Pinang dan Malaysia Airports Bhd (MAB) sudah mengumumkan untuk menambah beberapa kemudahan di lapangan terbang itu, beberapa minggu lalu.

Beliau diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir mengenai kemungkinan lapangan terbang di Pulau Pinang ditutup dan operasinya dipindahkan ke lapangan terbang antarabangsa yang baru yang bakal dibina atas kawasan tebus guna berhampiran Kuala Muda, Kedah.

Perdana Menteri menjelaskan langkah itu perlu kerana jika lapangan terbang di Bayan Lepas tidak boleh diperbesarkan, ia tidak mampu memenuhi keperluan berikutan pertumbuhan pesat di wilayah Utara.

Anwar berkata, Kerajaan Pusat juga sedang meneliti cadangan balas Pulau Pinang bahawa pembangunan lapangan terbang baru itu akan memberi faedah langsung kepada negeri itu.

"Pembinaan jambatan kedua akan menghubungkan bahagian Utara Seberang Perai dengan utara pulau itu yang mana ini memungkinkan perhubungan lebih cepat dan mudah bagi pengangkutan dari Pulau Pinang ke lapangan terbang baru itu," katanya.

(END)